

Aplikasi Al-Quran Digital Dalam Telefon Pintar (*Smart Phone*)/Tablet Terhadap Pelajar Asasi UiTM Pahang, Kampus Kuantan Sesi 2012/2013

*Norazmi Anas
Mohd. Syahril Ibrahim
Ahmad Fadhir Mat Dahan*

ABSTRAK

Perkembangan sains dan teknologi moden masa kini secara umumnya mendatangkan kesan positif kepada masyarakat dari semasa ke semasa. Penciptaan telefon pintar (smart phone) atau tablet telah menjadi satu fenomena baru bukan sahaja kepada umat Islam malahan seluruh umat manusia seluruh dunia. Kajian ini akan menyingkap aplikasi gajet (smart phone/tablet) dalam pembacaan Al-Quran secara digital terhadap pelajar-pelajar Asasi (Undang-Undang & TESL) UiTM Kampus Kuantan Sesi 2012/2013. Dua objektif telah ditetapkan iaitu mengenalpasti tahap pembacaan dan mengkaji kecenderungan pelajar menggunakan telefon pintar atau tablet untuk membaca Al-Quran. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik manakala analisis data lebih menjurus kepada statistik deskriptif menggunakan perisian SPSS 20.0. Kemudahan memuatnaik aplikasi Al-Quran secara digital ke dalam telefon pintar atau tablet menjadikan manusia khususnya umat Islam lebih kerap membaca Al-Quran tanpa sempadan masa dan tempat. Oleh itu, secara keseluruhannya, aplikasi Al-Quran dalam gajet moden meningkatkan ketakwaan umat Islam kepada Allah SWT.

Kata kunci : *Al-Quran, Islam, telefon pintar & tablet*

Pengenalan

Menurut Khan & Alginahi (2013), perkembangan teknologi maklumat semakin berkembang pesat dalam dunia moden hari ini dan hampir semua maklumat boleh diperolehi melalui internet. Manusia berkomunikasi dengan pantas melalui kemudahan internet seperti menghantar emel, memuat naik gambar, lagu dan sebagainya melalui pelbagai gajet moden di pasaran. Antaranya telefon pintar (*smart phone*), Ipad, tablet dan lain-lain lagi. Zaman digital telah merevolusikan dunia komunikasi dan mengubah corak kehidupan masyarakat. Selain itu, ia juga memberi kesan kepada ekonomi dan taraf kehidupan manusia sejagat. Bagi golongan yang tiada akses internet seperti kawasan pedalaman, perkembangan pesat telefon dan teknologi pintar memberi ruang kepada mereka untuk meneroka internet dengan lebih baik berbanding sebelumnya (Razaly et al., 2010).

Munurut Elhadj (2010), perkembangan teknologi internet telah memberi kesan kepada tamadun Islam merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuklah dalam usaha menyebarkan agama Islam dan juga memberi pendidikan mengenai Islam kepada masyarakat. Aplikasi Al-Quran digital dalam telefon pintar dan tablet merupakan bukti bahawa ajaran Islam berkembang seiring dengan dunia teknologi semasa dunia moden kini.

Al-Quran adalah kitab yang suci dan wahyu yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS sejak lebih 14 abad yang lalu. Umat Islam selalunya membaca Al-Quran menggunakan naskah yang dinamakan sebagai *mushaf/ mashaf*. Menerusi perkembangan teknologi pintar seperti telefon pintar, aplikasi digital dan tablet telah memudahkan pembacaan Al-Quran denganegalanya berada di hujung jari pembaca. Orang Islam menggunakan kemudahan internet untuk tujuan pengajaran atas talian, menghafal/ membaca/ mengajar Al-Quran, urusan perniagaan atas talian, perbankan, sosial, politik dan hubungan komunikasi (Muhammad et al., 2012).

Pembacaan Al-Quran Secara Digital

Menurut Dato' Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (2009), amalan-amalan mulia yang boleh diamalkan dalam kehidupan adalah membaca Al-Quran. Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap kecintaan

dan ketakwaan kepada Allah SWT. Al-Quran seharusnya diambil sebagai teras dan sumber rujukan utama mendasari seluruh aspek kehidupan manusia (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2010). Etika dan adab perlu ditekankan dalam pembacaan Al-Quran kerana ia merupakan kalam agung dari Allah SWT. Beberapa adab yang boleh diamalkan untuk membaca Al-Quran sekiranya dibaca melalui *mushaf/ mashaf* ialah :-

- i. Mengambil wudhuk (air sembahyang).
- ii. Bersugi (gosok gigi).
- iii. Menghadap kiblat.
- iv. Membaca di tempat yang bersih dan suci.

Persoalannya, jika Al-Quran dibaca secara digital dalam gajet moden, perlukah etika dan adab tersebut diamalkan? Secara umumnya, kemudahan teknologi moden bersifat memudahkan dan bukannya menyusahkan. Dari segi adab membaca Al-Quran digital, ia adalah sama dengan membaca Al-Quran dalam *mushaf/ mashaf*. Tetapi terdapat sedikit perbezaan iaitu hanya dari sudut menyentuh Al-Quran. *Jumhur ulama'* mengharamkan golongan yang berhadas besar (keluar darah haid, nifas & berjunub) dan hadas kecil (tiada *wudhuk*) menyentuh Al-Quran. Tetapi, terdapat khilaf atau perbezaan pendapat dalam kalangan *ulama'* berkaitan isu memegang Al-Quran tanpa wuduk (hadas kecil) iaitu terdapat sebilangan kecil *ulama'* yang memberikan hukum harus. Oleh yang demikian, berpegang pada pendapat *jumhur ulama'* lebih baik dan utama berbanding minoriti *ulama'*.

Isu yang sama juga berlaku tentang hukum memegang Al-Quran digital dalam telefon pintar (*smart phone*) / tablet atau gajet moden. Pendapat paling sahih atau kuat adalah hukum memegang Al-Quran digital tidak termasuk dalam hukum di atas kerana Al-Quran digital bukanlah *mushaf* (helaian yg tertulis padanya) Al-Quran. Sebaliknya ia adalah perisian tertentu yang hanya boleh dimainkan melalui program tertentu dan alat tertentu. Tidak terkecuali Al-Quran dalam cakera padat (CD), kaset dan sebagainya. Oleh itu, Al-Quran digital dalam gajet moden boleh dipegang walaupun berhadas kecil. Selain itu, Al-Quran digital dalam gajet moden boleh dibawa ke dalam tandas (tempat yang mengandungi najis) dan hukumnya adalah tidak haram dengan syarat skrin gajet moden tidak memaparkan ayat Al-Quran dan suara bacaan Al-Quran itu juga tidak dipasang (hendaklah ditutup). Walaubagaimanapun, membaca Al-Quran di dalam tandas atau tempat yang kotor (mengandungi najis) hukumnya haram kerana dianggap sebagai suatu penghinaan terhadap Al-Quran (13 Julai 2013).

Masalah Kajian

Perkembangan teknologi moden memberi kemudahan kepada manusia dalam meningkatkan taraf kehidupan semasa. Begitu juga dalam ibadah, penggunaan peralatan berteknologi tinggi dan pintar dapat memberi nilai tambah kepada saham akhirat kita dengan memanipulasi teknologi tersebut dengan sewajarnya. Antaranya pembacaan Al-Quran secara digital dalam gajet-gajet moden seperti telefon pintar (*smart phone*), tablet dan sebagainya. Selain itu, ia juga menimbulkan beberapa persoalan hukum-hakam fiqh semasa seperti hukum memegang gajet moden yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran dan persamaan taraf hukumnya dengan pembacaan dalam *mushaf/ mashaf* Al-Quran.

Kajian ini menjurus kepada kefahaman pelajar-pelajar Asasi UiTM Pahang Kampus Kuantan sesi 2012/2013 dalam pembacaan Al-Quran seterusnya kecenderungan menggunakan aplikasi Al-Quran secara digital dalam kehidupan seharian pelajar-pelajar tersebut.

Objektif Kajian

- i. Menenalpasti tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar Asasi UiTM Pahang Kampus Kuantan sesi 2012/2013.
- ii. Mengkaji kecenderungan pelajar Asasi UiTM Kuantan sesi 2012/2013 menggunakan telefon pintar atau tablet untuk membaca Al-Quran.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data dari kalangan pelajar-pelajar Asasi UiTM Kuantan sesi 2012/2013 melibatkan dua program iaitu Asasi Undang-undang dan TESL. Soal selidik kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A lebih kepada data demografi responden melibatkan tiga item iaitu Jantina (A1), Bangsa (A2) dan Program (A3). Manakala bahagian B pula menjurus kepada tahap pembacaan Al-Quran responden yang terdiri dari sepuluh item (B1-B10). Bahagian ini menggunakan skala dikotomi (*dichotomous scale*) iaitu “Ya” atau “Tidak”.

Manakala bahagian C lebih terarah kepada kecenderungan responden menggunakan telefon pintar (*smartphone*) atau tablet untuk membaca Al-Quran melibatkan sepuluh item (C1-C10). Skala yang digunakan pula melibatkan skala Likert (*Likert scale*) lima mata iaitu 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3= Kurang Pasti, 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju. Penggunaan perisian komputer tertentu untuk menganalisis data semakin mendapat sambutan pada masa kini dan merupakan alternatif selain kaedah analisis data secara manual. Sulaiman Shamsuri (2009) dan Ary et al. (2010) menyatakan bahawa perisian yang paling kerap dan meluas digunakan dalam bidang pendidikan untuk menganalisis data deskriptif ialah SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*). Oleh itu, penyelidik akan menggunakan perisian komputer SPSS versi 20.0 untuk membantu dalam analisis data deskriptif kajian ini. Piaw (2006), statistik deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel/pembolehubah dan menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, mod, taburan normal dan skor Z untuk menyatakan ciri-ciri tersebut.

Dapatan Kajian

Analisis Data Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, didapati bahawa sebanyak 78.3% reponden kajian iaitu 180 orang terdiri dari pelajar-pelajar perempuan. Manakala bakinya sebanyak 21.7% (50 orang) terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki. Secara umumnya, jumlah pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki di Institusi Pengajian Tinggi Awan (IPTA) Malaysia.

Jadual 1 : Kekerapan Jantina Responden Kajian (A1)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Lelaki	50	21.7	21.7
Perempuan	180	78.3	100.0
Jumlah	230	100.0	

Sumber : Soal Selidik

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, didapati bahawa sebanyak 97.8% responden kajian (225 orang) berbangsa Melayu, dan bakinya sebanyak 2.2% melibatkan 5 orang pelajar berbangsa lain-lain seperti Melanau dan Kadazan.

Jadual 2 : Kekerapan Bangsa Responden Kajian (A2)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Melayu	225	97.8	97.8
Lain-Lain	5	2.2	100.0
Jumlah	230	100.0	

Sumber : Soal Selidik

Berdasarkan Jadual 3 di atas, sebanyak 148 orang responden (64.3%) terdiri daripada pelajar-pelajar Asasi Undang-Undang. Manakala selebihnya pula melibatkan 82 orang responden (35.7%) terdiri dari

pelajar-pelajar Asasi TESL. Untuk pengambilan pelajar program Asasi di UiTM Pahang Kampus Kuantan, jumlah pelajar Asasi Undang-Undang lebih banyak berbanding pelajar Asasi TESL setiap tahun.

Jadual 3 : Kekerapan Program Asasi Responden Kajian (A3)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Asasi Undang-Undang	148	64.3	64.3
Asasi TESL	82	35.7	100.0
Jumlah	230	100.0	

Sumber : Soal Selidik

Analisis Data Tahap Pembacaan Al-Quran Responden

Jadual 4 di bawah menunjukkan min dan peratus untuk 10 item bagi mengkaji tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar Asasi UiTM Pahang, Kampus Kuantan bagi sesi 2012/2013. Nilai min berada antara 1.01 – 1.94. Ini menunjukkan bahawa tahap pembacaan Al-Quran responden berada pada tahap yang baik.

Jadual 4 : Min dan Peratus untuk Tahap Pembacaan Al-Quran Responden (B1-B10)

Item	Min	Peratus (%)	
		Ya	Tidak
1. Anda tidak tahu membaca Al-Quran.	1.94	6.1	93.9
2. Ibubapa kerap membaca Al-Quran di rumah	1.23	77.4	22.6
3. Ibubapa selalu mengingatkan anda supaya sentiasa membaca Al-Quran.	1.14	85.7	14.3
4. Anda membaca Al-Quran setiap hari.	1.77	23.5	76.5
5. Anda membaca Al-Quran selepas selesai solat fardhu.	1.64	35.7	64.3
6. Anda mempunyai mushaf Al-Quran sendiri.	1.13	87.4	12.6
7. Rakan (sebaya/sekelas) seringkali mengajak anda membaca Al-Quran secara berjemaah.	1.89	10.9	89.1
8. Anda merasa tenang setelah membaca ayat-ayat Al-Quran.	1.01	99.1	0.9
9. Pensyarah subjek Pengajian Islam membantu anda dalam pembacaan Al-Quran yang betul.	1.19	81.3	18.7
10. Silibus Pengajian Islam di kampus sudah memadai untuk anda mahir dalam pembacaan Al-Quran.	1.76	24.3	75.7

Sumber : Soal Selidik

Berdasarkan Jadual 4 di atas, secara umumnya majoriti responden kajian tahu membaca Al-Quran. Selain itu, ibubapa merupakan pendorong utama responden membaca Al-Quran. Ini berdasarkan peratusan tinggi responden yang bersetuju dengan item 2 dan item 3 iaitu antara 77.4% – 85.7%. Walaupun begitu, sebanyak 76.5% responden tidak membaca Al-Quran setiap hari dan hanya 64.3% sahaja yang mengamalkan pembacaan Al-Quran setelah selesai solat fardhu. Selain itu, amalan pembacaan Al-Quran secara berjemaah juga tidak dipraktikkan dan rakan (sebaya/sekelas) tidak memainkan peranan sebagai pendorong utama amalan tersebut. Sebanyak 99.1% responden merasa tenang setelah selesai membaca ayat-ayat Al-Quran. Majoriti responden (81.3%) bersetuju dengan item 9 iaitu pensyarah subjek Pengajian Islam membantu dalam pembacaan Al-Quran yang betul, tetapi 75.7% responden menyatakan bahawa silibus Pengajian Islam di kampus tidak memadai untuk mahir dalam pembacaan Al-Quran.

Analisis Data Aplikasi Al-Quran Digital Responden

Jadual 5 di bawah menunjukkan min dan peratus untuk 10 item bagi mengkaji aplikasi Al-Quran digital dalam kalangan pelajar-pelajar Asasi UiTM Pahang, Kampus Kuantan sesi 2012/2013. Nilai min berada antara 2.82- 4.42.

Jadual 5 : Min dan Peratus untuk Aplikasi Al-Quran Digital Responden (C1-C10)

Item	Min	Peratus (%)				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1. Teknologi telefon pintar (<i>smart phone</i>)/tablet berguna kepada pelajar.	4.42	0.4	1.3	7.0	38.7	52.6
2. Anda perlu mempunyai aplikasi Al-Quran digital dalam telefon pintar/tablet anda.	4.38	1.3	3.5	7.4	31.7	56.1
3. Anda kerap membaca Al-Quran dalam telefon pintar/ tablet anda.	3.04	8.3	24.3	32.6	24.8	10.0
4. Aplikasi Al-Quran digital dalam telefon pintar / tablet menyebabkan anda kerap membaca Al-Quran.	3.27	4.3	18.7	32.6	34.3	10.0
5. Anda mengetahui dengan jelas hukum pembacaan Al-Quran dalam telefon pintar/tablet.	3.13	3.0	20.4	43.9	25.7	7.0
6. Membaca Al-Quran dalam telefon pintar/tablet sama seperti dalam mushaf.	3.03	6.1	21.7	42.6	22.6	7.0
7. Telefon pintar/tablet yang mengandungi aplikasi Al-Quran digital tidak boleh dibawa ke dalam tandas.	3.16	5.7	17.4	49.1	10.9	17.0
8. Anda perlu berwudhuk sebelum membaca Al-Quran digital dalam telefon pintar/tablet.	2.82	8.7	22.2	53.0	10.4	5.7
9. Anda yakin aplikasi Al-Quran digital dalam telefon pintar/tablet sama seperti mushaf.	3.10	5.7	13.9	50.8	23.9	5.7
10. Masyarakat moden semakin kerap membaca Al-Quran digital dalam telefon pintar/tablet berbanding mushaf.	3.64	1.7	7.8	33.0	39.6	17.8

Sumber : Soal Selidik

Berdasarkan Jadual 5 di atas, sebanyak 91.3% responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan item 1 iaitu teknologi telefon pintar (*smart phone*)/ tablet berguna kepada pelajar. Bagi item 2 pula, majoriti responden (87.8%) bersetuju dan sangat bersetuju bahawa aplikasi teknologi perlu dimiliki dalam telefon pintar/ tablet masing-masing. Bagi item 3 hingga 10, didapati bahawa peratusan responden yang menjawab tidak pasti berada pada tahap tinggi antara 32.6% - 53.0%. Ini menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui dengan jelas dan kurang pengetahuan tentang segala isu yang diketengahkan dalam bahagian C soal selidik ini. Lebih 50% responden menjawab tidak pasti bagi item 8 dan item 9. Ia sangat jelas bahawa responden tidak mengetahui hukum penggunaan aplikasi Al-Quran digital dalam telefon pintar/ tablet mereka.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara umumnya tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar Asasi UiTM Pahang Kampus Kuantan sesi 2012/2013 berada pada tahap yang baik tetapi mereka tidak mempraktik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian sama ada di rumah atau di kampus. Aplikasi Al-Quran digital dalam telefon pintar (*smart phone*)/ tablet sangat berguna kepada pelajar seterusnya memberi nilai tambah dan kemudahan untuk meningkatkan tahap pembacaan Al-Quran. Walaupun demikian, pelajar-pelajar perlu meningkatkan tahap pengetahuan tentang hukum semasa pembacaan Al-Quran khususnya dalam gajet moden supaya mereka dapat menggunakan teknologi tersebut dengan sebaiknya seterusnya selari dengan kehendak ajaran Islam sebenar.

Rujukan

- Al-Yahya, M., Al-Khalifa, H., Bahanshal, A., Al-Odah, I., and Al-Helwah, N.(2011). An Ontological Model for Representing Semantic Lexicons: An Application on Time Nouns in the Holy Quran, *Arabian Journal for Science and Engineering*, vol. 35, issue: 2C, pp. 21-35.
- Ary, Donald, Jacobs, Lucy Cheser., and Sorensen, Chris (2010). Introduction To Research In Education. Australia : WADSWORTH CENGAGE Learning.
- Dato' Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid.(2010). Indahnya hidup bersyariat, modul fardhu ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Elhadj, YOM.(2010). E-Halagat: An E-Learning System for Teaching the Holy Quran. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, vol. 9, Issue 1, pp. 54-61.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi.(2010). Apa itu Islam?, menerangkan Islam secara mudah dan lengkap. Selangor : PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Khan, M. K., and Alginahi, Y. M.(2013). The Holy Quran Digitization: Challenges and Concerns. *Life Science Journal*, 10(2).
- Muhammad, A., Ul Qayyum, Z., Waqar, M. M., Tanveer, S., Martinez-Enriquez, A. M., and Syed, A. Z., 2012. E-Hafiz: Intelligent System to Help Muslims in Recitation and Memorization of Quran. *Life Science Journal-Acta Zhengzhou University Overseas Edition*, vol. 9, issue 1, pp. 534-541.
- Piaw, Chua Yan., (2006). Kaedah Penyelidikan : Buku 1. Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- Razaly, F., Ajizan, N. H., Saad, S. M., Yaacob, M. S., Zain, M. Z. M., and Hussein, M., 2010. User Friendly System for the Visually Impaired in Learning Al-Quran. *WSEAS Transactions on Systems*, vol. 9, issue 6, pp. 659-668.
- Diambil pada 13 Julai 2013 dari <http://darulfiqh.com/is-it-permissible-to-use-a-quran-app-on-a-smartphone-without-wudhu/http://www.thenational.ae/news/uae-news/fatwa-allows-quran-reading-on-smartphones>.
- Diambil pada 13 Julai 2013 dari <http://ustazlove.com/blog/2011/08/soal-jawab-adab-membaca-al-quran-mobile/#ixzz2cTyaL344>.
- Sulaiman Shamsuri. (2009). Research methods for the social sciences : made simple. Klang, Selangor : DSS Publishing Enterprise.

NORAZMI ANAS, MOHD. SYAHRIL IBRAHIM, AHMAD FADHIR MAT DAHAN.

Universiti Teknologi MARA(Pahang).

norazmianas@pahang.uitm.edu.my, syah86@pahang.uitm.edu.my, ahmadfadhira@pahang.uitm.edu.my.